

Akhbar Rasmi Kerajaan Negeri Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 8 RABU 22 FEBRUARI, 1967.

رابو 12 ذولقعدہ 1386

PERCHUMA

Penduduk2 di-Seru Amalkan Faham Tulong Menulong

Amalkan Hidup Rukun Damai—MB.

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah menyeru penduduk2 di-negeri ini supaya mengamalkan fahaman tulong menulong antara satu dengan yang lain dalam segala bidang untuk kebahagiaan bersama.

Beliau berkata, penduduk2 negeri ini baik pun yang jati mahupun yang datang dari luar negeri yang terdiri dari berbilang bangsa, haruslah sama2 sukong menyukong dan bantu membantu tidak kira dalam bidang perusahaan, perniagaan dan sebagai-nya.

"Sa-bagaimana bangsa2 lain di-negeri2 yang penduduk-nya terdiri dari berbilang bangsa, maka di-negeri kita Brunei juga hendaklah dapat di-amalkan chara2 hidup rukun damai yang menjadikan Brunei aman sentosa sa-tiap masa demi untuk kebahagiaan hidup kita

bersama", tegas Dato Seri Paduka Marsal.

Seruan itu telah di-buat beliau ketika merasmikan pembukaan kilang papan Sharikat Celcure yang di-punyai oleh bumi putera negeri ini, Tuan Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad, di-Batu 3½, Jalan Tutong pada 17 Februari, hari Juma'at yang lalu.

Sharikat Celcure tersebut ada-lah merupakan sharikat yang tunggal yang di-modali oleh orang Melayu dari bumi-putera negeri ini dan yang ketiga di-tubuhkan di-Borneo salain dari Sabah dan Sarawak.

Penubuhan sharikat tersebut telah di-modali sa-banyak \$250,000.00 dan mempunyai pekerja2 sa-ramai 150 orang termasuk 58 orang yang di-datangkan dari negeri2 dalam

Malaysia.

Sharikat itu juga mempunyainya sa-buah

mesin pengering dan sa-buah mesin membuboh ubat kayu yang berharga lebeh dari \$100,000.

Kayu2 yang di-keluarkan dari sharikat itu bukan hanya di-gunakan oleh Kerajaan dan pemborong2 tempatan, bahkan juga di-export keluar negeri seperti ka-Jepun, Hongkong dan Australia.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memuji2 usaha menubuhkan kilang itu dan mensifatkan-nya sa-bagai perusahaan anak negeri yang berani untuk bertanding dalam jurusan perusahaan.

"Saya kira ini-lah satu2-nya perusahaan anak negeri yang begitu berani turut bertanding dalam lapangan perniagaan-nya di-bidang mengeluarkan kayu kayan dari hasil bumi Negeri Brunei yang mendapat pasaran di-dalam dan di-luar negeri", kata Dato Seri Paduka Marsal.

Beliau menekankan bahawa dengan ujud-nya sharikat itu ada-lah melambangkan bahawa orang2 Melayu Brunei boleh hidup di-atas tapak kaki-nya sendiri dan boleh sa-tanding dengan lain2 bangsa dalam bidang perniagaan.

"Ini ada-lah satu kemajuan yang telah di-chapai oleh anak negeri ini yang kalau di-bandingkan ada-lah sa-tanding dengan sharikat2 lain yang di-kekelolakan oleh orang2 asing di-negeri ini", tegas beliau.

Sa-terus-nya, Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal berkata:

"Saya di-beri tahu bahawa pasaran sharikat ini keluar negeri hingga ka-Hongkong, Australia, Jepun dan lain2 negeri. Ini berarti bahawa nama harum Negeri Brunei telah

(Lihat Muka 8)



Y.B. Dato Paduka Awang Haji Jamil

DBP Usahakan Penerbitan Buku Ilmu Alam Brunei


BANDAR BRUNEI. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Awg. Umar telah menyatakan bahawa D.B.P. pada masa ini sedang mengusahakan penerbitan buku Ilmu Alam Brunei.

Dato Paduka Awang Haji Jamil dalam ucapan khas melalui Radio mengenai penerbitan buku tersebut yang di-buat beliau pada 18 Februari yang lalu telah mensifatkan buku itu sa-bagai sangat penting kepada kita, terutama ra'ayat negeri ini.

"Pengetahuan2 yang terkumpul dalam buku itu nanti akan dapat kita gunakan bukan hanya untuk pembangunan negara dan bangsa kita, tetapi lebeh utama kita sa-bagai ra'ayat negeri ini mustahak mengetahui isi kandungan dan keadaan alam negara kita sendiri", jelas beliau.

Beliau menekankan bahawa sa-makin rapat perhubungan pengetahuan kita terhadap alam kita, maka sa-makin mendalam pengetahuan kita terhadap negara dan menjadikannya bertambah-nya lagi chinta

(Lihat Muka 8)



Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal ketika merasmikan pembukaan Sharikat Celcure.

Keputusan Pepereksaan Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah

(Sambongan minggu lalu)

BANDAR BRUNEI. — Di bawah ini di-siarkan senarai nama2 penuntut2 yang telah berjaya dalam pepereksaan bagi Kelas2 Dewasa Pelajaran Rendah yang telah di-adakan dalam bulan Desimber, 1966.

Sa-bahagian dari keputusan pepereksaan tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini keluaran minggu lalu bagi pepereksaan yang di-adakan untuk Bahagian Brunei I.

Keputusan pepereksaan bagi penuntut2 Bahagian Brunei II ada-lah seperti berikut: —

TINGKATAN PERMULAAN

SEKOLAH MELAYU LAMBAK: Dy. Nurziah bte. Awang Jalil, Dy. Sauyah bte. Awg. Jaya, Dy. Hafsa bte. Awg. Jambul, Dy. Nafsiah bte. Tarikh, Dy. Zainab bte. Awg. Ya'akub.

BALAI KAMPONG MATA-MATA, JALAN GADONG: Awang Seni b. Anak Mire.

SEKOLAH MELAYU ORANG KAYA BESAR, IMAS, SUBOK: Awang Jaya b. Akob, Dy. Aisah bte. Senudin.

SEKOLAH MELAYU SERASA, MUARA: Dy. Laki bte. Yahya, Sauyah bte. Md. Husain, Dy. Aisah bte. Amat, Dy. Ramlah bte. Othman, Dy. Zainab bte. Belaman, Dy. Halimah bte. Juma'at, Dy. Mahani bte. Sundit, Dy. Zauyah bte. Abd. Hadi, Dy. Norsah bte. Ahad, Dy. Aisah bte. Momin, Dy. Halimah bte. Md. Nor.

KHEMAH TAHANAN BERAKAS: Baha b. Muhammad, Nayan b. Haji Serudin.

SEKOLAH MELAYU Kiarong: Dullah b. Marali, Pungut b. Wahid, Tujoh b. Dulah.

SEKOLAH MELAYU O.K.S.B.: Dy. Aminah bte. Sabtu, Dy. Armah bte. Hamid, Dy. Fatimah bte. Abdullah, Dy. Hamidah bte. Ludin, Dy. Saudah bte. Tuah, Dy. Sa'adiah bte. Ali.

JABATAN PENJARA JERUDONG: Noraini bte. Abdullah, Chang Siang Hiang, Sariah bte. Aspar.

KAMPONG KAPOK MUARA: Fatimah bte. Amat, Sara bte. Umar, Liah bte. Asar, Halipah bte. Amba, Zainun bte. Mudin.

PENJARA JERUDONG: Yusof b. Aman, Awg. Yunus b. Kalong, Idris b. Tahir, Gibin b. Lindu, Laman b. Bagol, Mali b. Abdullah.

TINGKATAN MENENGAH

SEKOLAH MELAYU SERASA, MUARA: Dy. Nilam bte. Bagul, Dy. Aishah bte. Hj. Besar.

BALAI KAMPONG MATA-MATA, JALAN GADONG: Ag. Bakar b. Aji, Ag. Omar b. Hj. Sabtu, A. Jamal b. Bakar, Ag. Lazim b. Lakim.

PENJARA JERUDONG: Ag. Majid b. Ya'akub, Ak. Shamsudin b.

P. Bakar, Ak. Jambol b. Pgn. Hj. Sulaiman, Ak. Ismail b. P. Ahmad, Ag. Asmat b. Arsad.

SEKOLAH MELAYU LAMBAK: Dy. Norbanun bte. Isa, Dy. Zainab bte. Alim.

SEKOLAH MELAYU TANAH JAMBU: Salam bte. Rahim, Sariah bte. Kalong.

SEKOLAH MELAYU GADONG: Dy. Fatimah bte. Tujoh, Dy. Jariah bte. Bakar, Dy. Murah bte. Merali, Dy. Norsalam bte. Jamudin, Dy. Norsalam bte. Akim, Dy. Zainab bte. Tudin, Dy. Soon Ai May.

SEKOLAH MELAYU O.K.B.I., SUBOK: Ag. Kamis b. Tangkim, Ag. Tarif b. Munaf, Dy. Zauyah bte. Ja'afar.

KHEMAH TAHANAN BERAKAS: Ag. Suhaili b. Badas, Ah Hing.

SEKOLAH MELAYU Kiarong: Ag. Karim b. Hj. Sabtu, Ag. Sahat b. Hj. Othman, Ag. Amat b. Ahmad, Ag. Rabaha b. Ahmad, Ag. Hassan b. Ahim.

SEKOLAH MELAYU O.K.S.B., KILANAS: Dy. Hajjiah bte. Hj. Puasa, Fatimah bte. Hj. Ibrahim, Dy. Masni bte. Dollah, Dy. Minah bte. Nudin, Dy. Halimah bte. Darus, Dy. Norsah bte. Hj. Mina, Dy. Halimah bte. Hj. Mina, Salmiah bte. Dollah, Dy. Salmah bte. Ismail, Dy. Nisbah bte. Nayan.

TINGKATAN TERTINGGI

SEKOLAH MELAYU BENGKURONG: Abd. Ghafar b. Abd. Ghani, Md. Yusof b. Ludin, Nayan b. Jumat, Apong b. b. Ghafar, Hj. Sulaiman b. Othman, Ismail b. Akim.

SEKOLAH MELAYU TANAH JAMBU: Bujang b. Jumat, Idris b. Jumat, Sinun bte. Sabtu, Tainun bte. Md. Yusof, Norjanah bte. Md. Yusof, Munah bte. Ajak, Murah bte. Untong, Aisah bte. Taim.

SEKOLAH MELAYU O.K.B.I., SUBOK: Dy. Jamilah bte. Ahmad, Dy. Rendah bte. Ibrahim.

KHEMAH TAHANAN BERAKAS: Azahari b. Jais, Md. Yusof b. Bulat, Ho Ho Kim, Lim Ting Guan.

BAHAGIAN BRUNEI III TINGKATAN PERMULAAN

SEKOLAH MELAYU KAMPONG MENTIRI: Saban b. Suboh,

SEKOLAH MELAYU BATU MARANG: Norah bte. Hassan, Dy. Habibah bte. Bini, Dk. Amas bte. P. H. Bakar, Dk. Mashurai bte. Pg. Hj. Tajuddin.

SEKOLAH MELAYU PUDAK: Dy. Zabidah bte. Hj. Kamis, Dy. Tuah bte. Md. Daud.

SEKOLAH MELAYU DATO GAN-

DI: Aisah bte. Abd. Rahman, Lampai bte. Hussein, Janis bte. Md. Yusof, Maimun bte. Abd. Samad, Mariam bte. Timbang.

SEKOLAH MELAYU PUDAK: Dy. Maimunah bte. H. Md. Zain, Dy. Aminah bte. Ahmad, Dy. Adi bte. Hj. Arif, Dy. Matasiah bte. Hj. Separ, Dy. Jamaliah bte. Hj. Alias.

SEKOLAH MELAYU PUDAK: Hj. Mahruf b. Daud.

SEKOLAH MELAYU PUTAT: Amat b. Karim, Mohammad b. Hj. Mirmir, Latif b. Besar, Jair b. Jerudin.

TINGKATAN MENENGAH

SEKOLAH MELAYU PUTAT: Ghafar b. Mokhtal, Merali b. Hj. Salleh, Arshat b. Mokhtal.

SEKOLAH MELAYU PUDAK: Husain b. Lakim, Ahmad b. Arshad, Tali b. Hj. Safar, A. Damit b. Hj. Kamis, Salim b. Tahir, Hj. Duraman b. Tajuddin.

SEKOLAH MELAYU DATO GANDI: Dy. Kalas bte. Ahmad, Dy. Zabidah bte. Abd. Wahab.

SEKOLAH MELAYU BATU MARANG: Kamaliah bte. Awg. Bini, Dy. Bayah bte. Mantal, Lampai bte. Timbang, Salbiah bte. Bidin, Pgn. Said b. Pgn. Hj. Tajuddin, Pgn. Hj. Muhd. b. Pgn. Hj. Besar, P. Sharbudin b. Pgn. Hj. Abu Bakar.

SEKOLAH MELAYU PANGKALAN BATU: Hj. Kamis b. Bungsu, Awg. Nayan b. Muhammad, Awg. Tuah b. Ladi, Awg. Buntar b. Serudin, Awg. Kamis b. Bakar, Hj. Baha b. Hj. Kamis.

SEKOLAH MELAYU KAMPONG MENTERI: Ahad b. Daud.

TINGKATAN TERTINGGI

SEKOLAH MELAYU PUDAK: Awg. Putting b. Mohd. Noor, Awg. Kula b. Idris, Awg. Jumat b. Hj. Arshad, Awg. Nudin b. Hj. Alias, Awg. Hj. Latif b. Hj. Arip.

SEKOLAH MELAYU MENTIRI: Sudin b. Amar, Abdullah b. Adi, Amat b. Simbin.

BAHAGIAN TUTONG TINGKATAN PERMULAAN

SEKOLAH MELAYU KAMPONG BUKIT: Gampar b. Punai, Nileu b. Ajang, Dampol b. Pinis, Jingan b. Pagun, Nasib b. Gumbang, Kuda b. Gundi, Misir b. Diam.

SEKOLAH MELAYU RAMBAI: Pinsil b. Asing, Bunga b. Yakin.

SEKOLAH MELAYU LAMUNIN: Afsah bte. Ma'aruf, Asiah bte. Ya'akub, Aminah bte. Kadir, Nauyah bte. Ahmad, aleha bte. Md. Noor.

SEKOLAH MELAYU PENANJONG: Jamilah bte. Bungsu, Aminah

bte. Md. Zain, Razimah bte. Jaya.

BANGUNAN SEMENTARA KAMPONG SENGKARAI: Mahani bte. Abd. Razak.

SEKOLAH MELAYU BATANG MITUS: Dy. Simoi bte. Siang, Dy. Hasa bte. Ambang.

SEKOLAH MELAYU UKONG: Paya b. Apang.

SEKOLAH MELAYU PGN. KESUMA NEGARA: Md. Ja'afar b. A. Rauf, Tasin b. Aman, Juri b. Tamin.

KAMPONG RAMBAI: Antin bte. Liman, Amol bte. Yabau, Sati bte. Tindeh, Halus bte. Yabau, Besar bte. Gundang, Ka'wa bte. Yunar, Gusok bte. Ungok.

SEKOLAH MELAYU SINAUT: Ladi b. Hj. Tusin, Sainah bte. Bujur.

SEKOLAH MELAYU ABD. RASHID TANJONG MAYA: Afsah bte. Othman, Fatimah bte. Abd. Rahman, Jamaliah bte. Abd. Kadir, Jaliah bte. Abidin, Maimun bte. Abidin, Jaliha bte. OKPI Layeh, Salmah bte. Taha, Saleha bte. Lakim.

SEKOLAH MELAYU SUPON: Jembu b. Galiga, Untam b. Ghani, Begu b. Ginyam, Lagat b. Timpang, Kilai b. Amping, Kalat b. Sigat, Belisan b. Angai.

SEKOLAH MELAYU BENUTAN: Umar b. Taip, Gumbang b. A. Lapang, Uja b. Endam, Uchong b. Agan, Kaseh b. Shah, Aisah bte. Abdullah, Jalilah bte. Pajih, Kuna bte. Leponhsiong.

SEKOLAH MELAYU SINAUT: Saimah bte. Mohammad.

SEKOLAH MELAYU KG. BUKIT: Laman b. Layum, Daham b. Banchikak, Yamat b. Limau, Dian b. Gumbang.

KELAS DEWASA KAMPONG KUALA UNGAR: Labang b. Kitan, Lian b. Kitan, Nagkat b. Gowou, Rokiah bte. Abdullah, Meri bte. Jambu, Meminah bte. Labang, Museh bte. Lampoh, Nayan bte. Kitan, Duri bte. Basi, Tara bte. Sapi, Tarud bte. Sapi, Badak b. Basi, Kana bte. Yusoi, Pa-sang bte. Jambu.

KELAS DEWASA KAMPONG MERIMBUN: Atar b. Madah, Gumpol b. Payor, Lima bte. Madah, Yalik b. Kawang, Yawa bte. Kitan, Umpon bte. Madah, Zubaidah bte. Luge.

SEKOLAH MELAYU KIUDANG: Arif b. Rebang, Daud b. Jamah, Pau Pang Seng.

TINGKATAN MENENGAH

SEKOLAH MELAYU KIUDANG: Tamin b. Angkai, Kumpol b. Labu, Awang b. Nanggang.

SEKOLAH MELAYU BENUTAN: Awang b. Janah, Badaleh b. Jandi, Medan b. Pajik, Marak b. Gawau, Tandang b. Pajih, Tawi b. Larai, Elin b. Sidai.

(Bersambong)



HELIKOPTAR A.M.D.B. MEMBUAT UJIAN PENDARATAN DI-WAKTU MALAM

PEKAN BANGAR. — Sa-buah helikopter Askar Melayu Diraja Brunei telah membuat satu ujian mendarat pada waktu malam di-Pekan Bangar, Temburong dalam minggu lalu dengan pertolongan tiga biji lampu yang telah di-pasang khas di-tempat pendaratan itu.

Juruchakap Askar Melayu Diraja Brunei menerangkan bahawa tujuan ujian tersebut ialah untuk mengatasi kesulitan pesawat helikopter mendarat pada waktu malam.

Pemandu Helikopter itu, Major H. Marshall, Pegawai Penguasa Platoon Helikopter menyatakan bahawa lampu2 itu boleh nampak dari jarak beberapa batu dan dengan pertolongan lampu2 itu membolehkan pendaratan di-buat dengan baik dan senang.

Major Marshall telah di-bantu oleh Co-Pilot, Kapitan J. A. Bleaden.

Helikopter itu telah berlepas dari Kem Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas pada pukul 7-45 malam dan sampai di-Pekan Bangar 20 minit kemudian. Sa-lepas melakukan pendaratan dengan jaya-nya, mereka pun balek ka-Brunei.

Ikut bersama2 dalam helikopter itu ia-lah Adjutan Askar Melayu Diraja Brunei, Kapitan Mohammad bin Haji Daud.

DALAM gambar atas kelihatan Major Marshall sedang memberi tahu kepada pegawai2 yang bertugas di-tempat pendaratan itu. Major Marshall berkata: "Dengan pertolongan lampu2 itu, pendaratan di-buat dengan senang saja". Gambar sa-belah kiri ia-lah Kapitan Awangku Ibnu dan Leftenan Ariffin, di-antara pegawai2 yang menunggu di-lapangan pendaratan tersebut.



Ahli2 Peladang Lumapas Melawat Pertanian Kilanas

KILANAS. — Sa-ramai 30 orang ahli2 Persatuan Peladang Kampong Lumapas telah mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Kilanas pada hari Isnin yang lalu.

Lawatan tersebut ia-lah sa-bagai menamatkan kursus per-

tanian yang telah di-jalani mereka di-Kampong Lumapas selama sa-minggu.

Dalam lawatan itu, sa-lain dari menyaksikan bahan2 pertanian, ternakan dan chara2 mengusahakan-nya yang telah di-tunjukkan oleh pegawai2 pertanian, mereka juga telah

mengikuti ucapan2 nasehat dari Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan pegawai2 kanan pertanian.

**GUNAKAN-LAH
BAHASA MELAYU**

20 Orang Lagi Melanjutkan Pelajaran di-Sekolah2 Menengah Singapura

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 20 orang penuntut2 di-Maktab2 Bahasa Inggeris dan sekolah2 Melayu di-negeri ini telah terpilih untuk melanjutkan pelajaran mereka di-sekolah2 Menengah Inggeris dan Melayu di-Republik Singapura.

Sa-puluh orang daripada mereka itu akan melanjutkan pelajaran jurusan Bahasa Melayu di-Sekolah Menengah Gabungan Telok Kurau. Mereka akan menuntut di-sana sa-hingga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia.

Sementara sa-puluh orang lagi akan melanjutkan pelajaran dalam jurusan Bahasa Inggeris di-Sekolah Menengah Gabungan Kaki Bukit Singapura sa-hingga mendapat Sijil Seberang Laut.

Penuntut2 yang berjaya melanjutkan pelajaran mereka itu ia-lah seperti berikut:

Dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei sa-ramai 9 orang yang terdiri dari Awangku Shahminan bin Pengiran Haji Ismail, Abdul Hamid bin Haji Mat Yassin, Ak. Bahrudin bin Pengiran Md. Ya'akub, Bolkini bin Abd. Rahman, Kamaluddin bin Ibrahim, Awangku Zaini bin Pengiran Kamaluddin, Hamidon bin Tahir, Md. Alipah bin Awang Murah dan Emran bin Momin.

Dari Maktab Anthony Abell, Seria ia-lah Omar Ali bin Jamil.

Penuntut2 yang akan melanjutkan pelajaran dalam jurusan Bahasa Melayu ia-lah Bidin bin Ibrahim, Puasa bin Burut dan Awangku Kadar bin Pengiran Tengah. Ketiga2 mereka itu ia-lah peuntut dari Sekolah Melayu S.M.J.A. Dari Sekolah Melayu Lela Menchana pulu ia-lah Buntar bin Md. Noor.

Dari Sekolah Melayu SUAS, Muara terdiri dari Sulaiman bin Ibrahim dan Abd. Hamid bin Dayang. Dari Kiudang ia-lah Burhanuddin bin Hashim dan Merali bin Md. Tahir.

Dua orang dari Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong ia-itu Wasil bin Minggu dan Janudin bin Ismail.

Penuntut2 tersebut telah berlepas ka-Singapura pada hari Rabu lepas, 15 Februari, 1967.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran Brunei menyatakan bahawa penuntut2 tersebut ia-lah bagi rombongan yang ketiga yang menjadikan bilangan penuntut2 yang belajar dalam kedua2 jurusan itu meningkat kepada sa-ramai 60 orang pada masa ini.




Gambar kiri atas: Antara yang hadir ia-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf (No. 3 dari kiri) dan di-sabelah beliau ia-lah Wakil Sharikat Celcure Berhad, Kuala Lumpur dan Awang Zainal Abidin bin Mohammad, wakil Pegawai Kehutanan Negara. Di-kanan sa-kali kelihatan Tuan Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa.

Gambar tengah menunjukkan pekerja2 di-kilang Celcure itu sedang menolak kayu yang akan di-masokkan ka-dalam mesin pembuboh ubat.

Gambar atas sa-belah kanan kelihatan Dato Seri Paduka Marsal sedang di-tunjukkan satu alat penguji kayu yang hendak di-buboh ubat.

Gambar bawah: Yang Amat Berhormat Menteri Besar kelihatan sedang memotong pita bagi merasmikan pembukaan Sharikat Celcure Haji Ibrahim.



Pembukaan Sharikat Celcure Haji Ibrahim

Satu upacara merasmikan pembukaan Sharikat Celcure Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa telah di-langsungkan pada hari Juma'at yang lalu di-Batu 3½, Jalan Tutong.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah merasmikan pembukaan tersebut dan telah di-hadiri oleh para jemputan yang antara-nya termasuk-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf.

Sharikat Celcure tersebut ia-lah sa-buah sharikat kilang papan yang mempunyai mesin pembuboh ubat kepada kayu2 supaya tahan

lama, dan mesin pengering kayu2 yang basah.

Papan2 yang di-keluarkan oleh sharikat tersebut bukan hanya di-gunakan oleh Kerajaan, bahkan juga telah di-keluarkan keluar negeri seperti Hongkong, Australia dan Jepun.

Kilang Sharikat Celcure itu ada-lah merupakan yang tunggal di-tubuhkan di-Brunei dan yang ketiga di-tubuhkan di-Borneo sa-lain dari Sabah dan Sarawak.

Kilang itu juga ada-lah yang pertama sa-kali di-ujudkan oleh orang2 Melayu yang di-pelupori oleh Tuan Haji Ibrahim dengan modal lebih dari \$250,000.



Peristewa Yang Menarek

Dua peristewa yang menarek perhatian telah berlaku di-Bandar Brunei dalam minggu lalu dan peristewa2 itu ada-lah berhubung rapat dengan kemajuan bangsa dan negara, sesuai dengan cita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang sangat2 menginginkan agar Brunei sentiasa dalam suasana aman dan makmor.

Sharikat Celcure, sa-buah sharikat kilang papan yang mempunyai mesin pembuboh ubat papan telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Dato Seri Paduka Marsal pada pagi Juma'at yang lalu.

Satu perkara yang harus menjadi contoh dan kebanggaan orang2 Melayu jati di-negeri ini bahawa sharikat yang tunggal dan memakan modal yang banyak itu ada-lah di-usahakan dan di-punyai oleh sa-orang ahli perniagaan Brunei jati, Tuan Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ada-lah mengharagai usaha yang besar itu dan mensifatkan sa-bagai satu usaha yang "berani".

Sa-lain dari itu, beliau juga menekankan bahawa dari langkah itu, maka nyata-lah bahawa orang2 Melayu Brunei ada-lah boleh berdiri di atas tapak kaki sendiri dan boleh sa-tanding dengan lain2 bangsa dalam jurusan perniagaan dewasa ini.

Ahli2 perniagaan Melayu yang lain harus-lah menyedari hakikat ini. Mempunyai sifat2 yang berani yang berpandukan asas2 yang kukuh dan "tahan lama" harus-lah terlebih dahulu di-kuasai oleh sa-orang ahli perniagaan.

Belum-lah boleh di-anggap berjaya, kalau sa-orang ahli perniagaan itu, sentiasa berfahaman "harapkan bantuan dan pertolongan" jika tidak ada usaha2 lain di-jalankan.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengharapkan supaya akan ramai lagi ahli2 perniagaan Melayu akan tampil kemuka dan benar2 berkecimpung dalam perusahaan2 yang penting demi untuk mempertinggi taraf hidup, nama bangsa dan tanah ayer.

D. B. P. Terbitkan Buku Ilmu Alam Brunei

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil telah menyatakan bahawa D.B.P. sedang mengusahakan penerbitan BUKU ILMU ALAM BRUNEI dan keluaran "master copy"-nya akan di-buat dalam Bahasa Melayu, kemudian baru-lah di-terjemahkan ka-Bahasa Inggeris dan lain2 bahasa jika perlu. Ini ada-lah berkait rapat dengan Perlembagaan Negeri ini yang mengkanunkan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara. Usaha ini harus-lah mendapat sambutan yang baik dan berkesan di-kalangan ra'ayat, kerana penerbitan buku itu ada-lah merupakan satu tapak tempat berpijak bagi keturunan yang akan datang, agar supaya jangan mereka hidup di-tapak orang lain.

Ketika mahasiswa2 dan pesharah2 dari Universiti Malaya dan pegawai2 D.B.P. Brunei yang mengusahakan BUKU itu, berkehendakkan sa-suatu penerangan yang berkaitan dengan penghidupan sa-hari2 dari ra'ayat negeri ini, maka ada-lah suatu perkara yang mustahak supaya kita membantu mereka itu dengan memberikan butir2 kenyataan yang ikhlas.

Semua pengkaji dalam buku itu nanti akan di-jadikan pula buku teks atau buku pelajaran di-sekolah, mulai dari sekolah2 rendah, menengah, tinggi hingga ka-Universiti.

Ini-lah tapak yang jelas kita rasakan untuk kepentingan keturunan kita yang akan datang, kerana buku itu, menurut Pengarah D.B.P. akan meliputi sa-tiap lapangan yang ada di-negeri kita ini, termasuk ekonomi, social, politik, sejarah dan lain2.

Sebagai Akitek

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan kosong sebagai Akitek di-Jabatan Kerja Raya, Brunei. *Kelayakan2 dan Pengalaman:*

Pemohon2 mesti-lah mempunyai ijazah atau diploma dalam ilmu akitek dari sa-buah University atau Maktab yang diakui membebaskan dari Bahagian I dan II dari peperiksaan Royal Institute of British Architects atau mempunyai kelayakan A.R.I.B.A. atau lain2 kelayakan yang serupa yang dapat di-terima. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman tidak kurang dari 6 tahun dari semenjak memperoleh kelayakan mengenai rancangan, rekaan semua jenis bangunan2 awam, alat perkakas2 rumah dan penyediaan am bagi pembinaan2 bangunan. Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman yang berpatutan dalam jenis kerja pentadbiran Kanan dan dalam penyusunan pejabat lukis melukis. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang pandai berbahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B.2 EB 3 - \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sechra berkontrek selama tiga tahun. Kontrek boleh di-baharui sekira-nya kedua2 belah pihak bersetuju.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar pada tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8hb. Mach, 1967.

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan sebagai Juru Trengkas Melayu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.3 EB 4. - \$380x20 - 480/EB

Jawatan2 Kosong

DI-JABATAN LEKTRIK

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari mereka yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untuk memenohi jawatan2 yang berikut di-Jabatan Lektrik, Brunei:—

(a) JURUTERA PEMELIHARA.

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam kerja memelihara, mengandalkan dan menjalankan Gas Turbine yang mempunyai muatan kuasa 11MW dan alat2 yang berhubungan dengan-nya, serta berpengetahuan dalam jentera Diesel yang mengeluarkan kuasa hingga dan termasuk 3MW di 11KV. Kelulusan ada-lah dikehendaki tetapi tidak perlu. Hanya mereka2 yang chukup pengalaman sahaja di-kehendaki memohon.

Umur: Sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji B.2 EB 3. - \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) JURUTERA HAWA DINGIN.

Pemohon2 mesti-lah mahir dalam semua bidang kerja yang berkaitan dengan Hawa Dingin. Tugas2-nya ia-lah untuk menubuhkan Bahagian Hawa Dingin dalam Jabatan Lektrik, dan bertanggung jawab membentok serta membuat rancangan tertentu berkaitan dengan pemasangan jentera Hawa Dingin di-sa-sa-buah bangunan baru serta memelihara Ayer Dingin yang ada, dan mengarahkan tambahan jumlah jentera hawa dingin yang telah di-pasang dalam sa-sa-buah bangunan kepunyaan Kerajaan Brunei. Hanya pemohon2 yang berpengalaman sahaja di-kehendaki memohon dan mesti-lah mempunyai kelulusan yang di-akui dalam bidang Hawa Dingin.

Umur: Sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji B.2 EB 3. - \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) JURUTERA PENGUSAHA (5 Jawatan).

Tugas2-nya ia-lah menjaga kerja Shift dalam Gas Turbine Station Kerajaan di-Seria. Pemohon2 mesti-lah berpengalaman menjalankan Gas Turbine 11MW dan alat berkaitan yang mengeluarkan kuasa 11KV. Kelulusan di-kehendaki tetapi tidak perlu. Pemohon2 mesti-

lah di-antara 35 dan 45 tahun melainkan mereka2 yang dalam perkhidmatan Kerajaan.

Gaji: Dalam sukatan gaji B.2 EB 3. — \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(d) PENOLONG JURUTERA

PENGUSAHA (5 Jawatan).

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam menjalankan Gas Turbine 11MW yang mengeluarkan kuasa 11KV. Berumur sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2-3 EB 4 - \$660x30 - 1050/EB/1080x30 - 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(e) PENOLONG JURUTERA

PENGUSAHA (5 Jawatan).

Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam jentera kuasa Diesel sehingga dan termasuk 3MW Generating sets dan alat2 yang berkaitan dengan-nya yang mengeluarkan kuasa 11KV. Berumur sekurang2-nya 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji C.2-3 EB 4. - \$660x30 - 1050x30 - 1050/EB/1080x30 - 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon2 yang berjaya bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Bru-

nei akan di-lantek sechra berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan. Mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak bagi di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sechra berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 5hb. Mach, 1967.

Sebagai Merinyu Ugama

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan sebagai Merinyu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Mereka mesti-lah:—

- Bangsa Melayu beragama Islam;
- Berumur di-antara 20 hingga 35 tahun;
- Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 Ugama
- Lulus sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu;
- Satu peperiksaan mengenai pengetahuan Hal Ehwal Ugama Islam akan di-adakan.
- Orang yang di-perchayai

mempunyai pengalaman dalam lapangan ini akan lebih di-utamakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.3 - \$280x10 - 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8hb. Mach, 1967.

SEBAGAI JURU TRENGKAS MELAYU

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan sebagai Juru Trengkas Melayu di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji: Dalam sukatan gaji D.3 EB 4. - \$380x20 - 480/EB

/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis trengkas selaju 80

perkataan sa-minit dan boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan dalam sa-minit.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidma-

tan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 8hb. Mach, 1967.



Sa-bahagian dari penuntut2 yang melanjutkan pelajaran mereka di-sekolah2 menengah Singapura bergambar ramai di-lapangan terbang Berakas di-jurus sa-belum mereka berlepas ka-Singapura melalui Jesselton. Berita lanjut di-siarkan di-muka 3.

Sharahan dan Tayangan Wayang Gambar BPUI

BANDAR BRUNEI. — Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei akan mengadakan sharahan Ugama dan pertunjukan wayang gambar pada malam ini di-Kampung Kupang, Jalan Tutong mulai pukul 7-30.

Sharahan dan pertunjukan wayang gambar itu juga akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puduk pada 25 Februari dan pada 27 Februari di-Kampung Puni dalam Daerah Temburong.

Pada 28 Februari sharahan dan pertunjukan tersebut akan di-adakan pula di-Kampung Bokok, juga dalam Daerah Temburong.

HALAMAN SOKAN

Bendahara Sakam Johan Bola Jaring

BOLA JARING (NET BALL)

Perlawanan bola jaring bahagian Rendah antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri, anjoran Jabatan Pelajaran Brunei telah di-jalankan pada minggu lalu.

PADA 13HB. FEBRUARI, 1967 perlawanan sa-tengah akhir antara Johan Belait: dari pasukan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria berlawan dengan Johan Brunei II dari pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei, Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut menang dengan kemenangan gol 10 - 6.

PADA 16HB. FEBRUARI, 1967 perlawanan peringkat akhir antara Johan Brunei II: dari pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut, berlawan dengan Johan Tutong I dari pasukan Sekolah Melayu Lamunin, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei. Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut menang dengan kemenangan gol 20 - 2.

Maka dengan keputusan perlawanan itu pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut menjadi Johan Bola Jaring Bahagian Rendah antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966.

Pasukan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut telah tiga tahun berturut2 memegang Piala Rebutan ia-itu hadiah daripada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor

Ehsani. Yang menjadi Naib Johan ia-lah pasukan Sekolah Melayu Lamunin.

Hadiah rebutan dan hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani kepada pasukan2 yang berjaya.

BOLA TAMPAR (VOLLEY BALL)

Perlawanan bola tampar Bahagian Rendah antara Sekolah2 Melayu Negeri Brunei anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei telah di-jalankan pada minggu lalu juga

PADA 14HB. FEBRUARI, 1967 perlawanan suku akhir antara Johan Tutong II, dari pasukan Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya berlawan dengan Johan Brunei III dari pasukan Sekolah Melayu Dato Gandhi, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A., Bandar Brunei.

Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Dato Gandhi menang dengan hitungan mata 15/3 dan 15/1.

PADA 15HB. FEBRUARI, 1967 dua perlawanan sa-tengah akhir di-jalankan serempak bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A.

(a) Antara Johan Brunei I dari pasukan Sekolah Melayu Lela Menchanai berlawan dengan Johan Brunei II dari pasukan Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Anggerek Desa menang dengan hito-

ngan mata 15/4 dan 15/11.

(b) Antara Johan Temburong dari pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar berlawan dengan Johan Brunei III dari pasukan Sekolah Melayu Dato Gandhi.

Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menang dengan mata 9/15, 15/3 dan 15/5.

PADA 16HB FEBRUARI, 1967 perlawanan akhir antara Johan Brunei II dari pasukan Sekolah Melayu Anggerek Desa berlawan dengan Johan Temburong dari pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-gelanggang Sekolah Melayu S.M.J.A. Keputusan-nya pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar menang dengan hi-

tungan mata 15/10, 7/15 dan 15/11.

Maka dengan keputusan perlawanan itu pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar. Temburong menjadi Johan Bola Tampar Bahagian Rendah antara Sekolah2 Melayu Negeri Brunei bagi tahun 1966.

Pasukan Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar telah dua tahun berturut2 memegang Perisai Rebutan hadiah daripada Yang Mulia Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pg. Haji Abd. Rahim. Yang menjadi Naib Johan ia-lah pasukan Sekolah Melayu Anggerek Desa.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abd. Rahim kepada pasukan2 yang berjaya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 Februari, 1967 hingga ka-hari Selasa 28 Februari, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
22 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
23 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
24 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
25 Feb.		12-39	3-59	6-38	7-49	5-04	5-18	6-33
26 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
27 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32
28 Feb.		12-38	3-58	6-38	7-48	5-03	5-17	6-32

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

\$27,000.00 Bantuan Kerajaan untuk Masjid2 Kampung

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia telah mendermakan wang sa-jumlah lebeh dari \$27,000.00 kepada 5 buah masjid baru di-kampung2 dalam Daerah Brunei dan Belait.

Masjid2 yang menerima bantuan itu ia-lah masjid Kampung Sungai Liang, sa-banyak \$4,000.00; Masjid Sengkurong \$7,250.00; Masjid Kg. Baru2 \$6,330.00; Masjid Kg. Lumapas \$4,536.72 dan Masjid Kampung Limau Manis \$4,909.80.

Bantuan untuk menyiapkan Masjid Kampung Limau Manis telah di-sampaikan pada hari Jumaat lepas oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin.

Pembinaan masjid Limau Manis yang sederhana besarnya itu telah di-dirikan oleh penduduk2 kampung tersebut pada akhir tahun lepas.

Perbelanjaan pembinaan masjid tersebut di-taksir berjumlah \$9,000.00.

Sa-lain dari derma dari Kerajaan itu, derma dari penduduk2 kampung tersebut telah juga di-terima sa-banyak lebeh dari satu ribu dan \$2,632.05 derma yang di-perolehi dari surat keliling.

Sijil2 untuk Pemimpin

Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Kira2 70 orang pemimpin2 pengakap telah menerima sijil2 lathan Wood Badge, Kursus Unggun Api dan Mendaki Gunung Kinabalu pada hari Sabtu lepas di-Ibu Pejabat Pengakap Brunei, Jalan Senuai.

Sijil2 tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Penolong Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pos, Pg. Haji Yusuf bin Pg. Md. Limbang.

Ucapan nasehat untuk panduan dan renongan pemimpin2 pengakap itu telah di-sampaikan oleh Pesuruhjaya Lathan Pengakap Sa-Negeri Brunei, Awg. Yahya bin Md. Yusuf.

Turut hadir di-upacara itu ia-lah Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei, Tuan Haji Ali Khan, Pengerusi Majlis Daerah, Awang Walley Skinner dan Timbalan Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Awang Shahbudin.



Yang Teramat Mulia Pg. Anak Puteri Noor Ehsan menyampaikan piala yang di-hadiahkan-nya sendiri kepada Ketua Pasokan Bola Jaring Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut (Brunei II). Pasokan itu telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan Bola Jaring Antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri bagi tahun 1966.

Usaha yang Membanggakan dan Harus di-Chontohi

(Dari Muka 1)

dapat di-bawa oleh sharikat ini dan dengan tidak sa-chara langsung telah memperkenalkan nama Negeri Brunei dengan perantaraan mengexport bahan2 dari hasil bumi negeri ini", kata beliau.

Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal berharap supaya usaha seperti ini akan di-chontohi oleh lain2 penduduk jati di-negeri ini supaya dalam masa 5 atau 10 tahun akan datang lebeh banyak lagi anak2 negeri yang boleh dan layak mengusahakan usaha2 penting demi untuk mempertinggi taraf hidup, nama bangsa dan tanah ayer.

Beliau selanjut-nya menekankan bahawa usaha seperti yang

di-lakukan oleh Sharikat Kilang Papan Celcure Haji Ibrahim itu bukan sahaja membanggakan orang2 Melayu anak negeri ini, tetapi juga membanggakan Kerajaan dan Negeri Brunei seluruh-nya.

"Kerana dengan terdiri-nya sharikat dan kilang ini telah dapat memberikan kerja kepada beberapa banyak anak2 negeri yang tidak mempunyai pekerjaan", tegas beliau.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata bahawa beliau sendiri dan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia sangat memandang berat dan menghargai segala kemajuan yang telah dapat di-chapai oleh sharikat ini yang di-kelolakan oleh orang2 kita sendiri sa-hingga ramai anak2 tempatan turut sama bekerja menchari nafkah dan juga orang2 dari luar negeri.

Ucapan2 di-upacara itu telah juga di-sampaikan oleh Wakil Pegawai Kehutanan Negara, Awang Zainal Abidin bin Mohammad, Wakil Sharikat Celcure Berhad Kuala Lumpur dan Wakil Sharikat Celcure Haji Ibrahim, Awang Abdul Latif bin Ahmad.

Antara yang hadir termasuk-lah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf, Yang Berhormat Penolong2 Menteri, ahli2 majlis2 mashuarat, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pegawai2 Kanan Kerajaan dan ahli2 perniagaan.

Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei Balek dari England

BERAKAS—Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang F. D. Webber telah kembali ka-Brunei pada hari Khamis lepas sa-telah berchuti Krismas dan tahun baru di-England selama beberapa minggu.

Dalam percutian itu, Tuan Yang Terutama telah di-sertai oleh isteri dan keluarga beliau.

Sa-tiba-nya di-lapangan terbang Berakas beliau telah di-sambut oleh pegawai2 kanan Kerajaan.

Perlukan Kerjasama Penduduk

(Dari Muka 1)

dan tanggung-jawab kita kepada negara dan bangsa.

"Ini-lah sebab-nya, Kerajaan mengusahakan penerbitan buku Ilmu Alam Brunei itu", tegas Dato Paduka Awang Haji Jamil.

Mengenai usaha melaksanakan penerbitan itu, Dato Paduka Awang Haji Jamil menerangkan, bahawa satu rombongan dari Universiti Malaya telah di-undang oleh Kerajaan Brunei yang mengandungi sa-ramai 30 orang mahasiswa dan beberapa orang pensharah.

Mereka itu, tegas beliau, akan mengunjongi jabatan2 Kerajaan, kampung2 dan pendalaman serta lain2 tempat yang di-perlukan.

Dalam masa itu tentu-lah mereka akan menghadapi berbagai2 soalan kepada orang2 yang di-temui mereka bagi mendapatkan ma'alumat2 tersebut.

Antara lain, kata Dato Paduka Awang Haji Jamil, mereka akan bertanya dari hal penghidupan, pendapatan, harta2 kepunyaan, kesulitan2 pekerjaan dan sa-bagai-nya.

Untuk menjayakan rancangan ini Dato Paduka Awang Haji Jamil menyeru ra'ayat negeri ini:

"Saya minta Awang2 dan Dayang2 sekalian supaya memberikan kerjasama untuk memberikan jawapan kepada soalan2 itu dengan sa-ikhlas2-nya. Mudah2an kerjasama Awang2 dan Dayang2 itu akan dapat menyampaikan maksud yang baik ini".

Akhir-nya Dato Paduka Awg. Haji Jamil menguchapkan terima kasih beliau kepada ketua2 jabatan, Pegawai2 Daerah, Penghulu2, Ketua2 Kampung dan pegawai2 kerajaan yang berkenaan atas bantuan dan kerjasama mereka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menjayakan rancangan tersebut.

FALSAFAH KEBEBASAN DALAM ISLAM

Pelita Brunei mulai keluaran minggu depan 1 Mach, 1967 akan menyiarkan satu renchana Ugama yang berjudul 'Falsafah Kebebasan Dalam Islam'.

Renchana itu di-susun oleh Awang Abdul Hamid bin Bakal, sa-orang pemuda tempatan yang mempunyai ijazah M.A. dari Universiti Al-Azhar, Mesir dalam pengajian Bahagian Usuluddin (hukum dan Undang2 Ugama Islam).

Pada masa ini beliau bertugas sa-bagai Penguasa Penerangan dan Tablig di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

Renchana itu telah di-juluskan untuk siaran oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei dan akan di-siarakan sa-chara bersiri sa-hingga tamat.